

25/09/1998

Pengampunan tidak dilanjut

JOHOR BAHRU, Khamis - Kerajaan tidak akan melanjutkan tarikh akhir program pengampunan selama dua bulan yang ditetapkan, walaupun ramai pendatang asing dikatakan sukar mendapat dokumen perjalanan pulang daripada kedutaan masing-masing.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata tempoh pengampunan bermula 31 Ogos hingga 31 Oktober ini adalah mencukupi bagi pendatang asing menyelesaikan pelbagai urusan termasuk membuat tempahan tiket serta mendapatkan dokumen perjalanan pulang.

Menurutnya, sehingga kelmarin, kira-kira 11,000 pendatang asing sudah dihantar pulang melalui program berkenaan dan setiap hari bilangan mereka yang memohon untuk dihantar pulang meningkat.

"Saya difahamkan, lebih 2,000 rakyat Bangladesh sudah membuat dokumen di kedutaan mereka tetapi sehingga sekarang hanya 800 dokumen baru dikeluarkan. Keadaan yang sama berlaku di Kedutaan Republik Indonesia.

"Walaupun ramai pendatang asing masih belum mendapat dokumen perjalanan pulang, kita tidak akan melanjutkan tarikh akhir yang ditetapkan mengikut program berkenaan, sebaliknya kita akan bertegas dalam hal ini," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Cawangan Johor, Jabatan Imigresen Johor dan Bank Negara Malaysia (Bank Negara) mengenai pelaksanaan Borang Perisytiharan Pengembara (TDF) yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Oktober ini.

Sebelum ini, Jabatan Imigresen dilaporkan menjangka kira-kira 300,000 pendatang asing akan pulang ke negara masing-masing berikutan pelaksanaan program pengampunan selama dua bulan yang diumumkan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

(END)